

# MB sifatkan pemimpin2 DAP 'lidah bercabang'

REMBAU, Selasa — Menteri Besar, Datuk Mohd Isa Abdul Samad, mensifatkan pemimpin-pemimpin DAP sebagai 'lidah bercabang tiga' kerana bercakap berlainan apabila bertemu secara berasingan dengan masyarakat Melayu, Cina dan India.

Beliau berkata, sikap berpura-pura ini adalah untuk mempengaruhi pengundi di kawasan pilihanraya Parlimen Seremban.

"Pengundi kini telah dewasa dan tidak mudah terpengaruh dengan pujuk rayu DAP", katanya ketika berceramah kepada penduduk-penduduk Kampung Baharu, Rahang dekat sini petang ini.

Datuk Mohd Isa berkata, pemimpin DAP kini semakin kebudakan kerana menampal poster yang mengandungi lukisan kartun yang tidak berfaedah.

Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim, ketika merasmikan kursus sivik di Kampung Sepri berkata, DAP tidak banyak membawa pembaharuan ketika menakluk kawasan Parlimen Seremban selama 13 tahun.

Pengundi-pengundi perlu membandingkan kemajuan DAP dalam tempoh itu dengan Barisan Nasional yang cuma menduduki kerusi dalam tempoh 18 bulan sahaja, katanya.

Bellau kemudian menyelar pemimpin DAP kerana hanya pandai mencari salah, tetapi tidak berbuat sesuatu untuk memajukan kawasan dan penduduk Seremban.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia